

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (DARI UTARA)

TARIKH: 01 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 38

Flat kotor: MPSP mohon geran bantuan RM10,000

BUKIT MERTA JAM - Jabatan Pesuruhjaya Bangunan dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi mendapatkan geran bantuan untuk Badan Pengurusan Bersama (JMB) Flat Teluk Indah, Perai.

Pengarah Kemasyarakatan MPSP, Norhayati Sulaiman berkata, geran bantuan sebanyak RM10,000 itu boleh digunakan untuk membeli peralatan ataupun menjalankan program bagi meningkatkan kebersihan dan keselamatan di flat itu.

Menurutnya, walaupun isu kebersihan di flat berkenaan di bawah tanggungjawab JMB, namun MPSP tidak pernah lepas tangan dan terus pantau keadaan flat termasuk melakukan beberapa aktiviti gotong-royong serta semburan asap.

"JMB melakukan pelbagai usaha, tapi sikap penduduk yang menggagalkan usaha semua pihak bagi meningkatkan tahap kebersihan di sana.

"Bantuan geran dimohon JMB pada 19 Januari lalu diharapkan dapat dimanfaatkan sebaiknya untuk meningkatkan semula tahap kebersihan

di situ, termasuk dengan pemasangan CCTV seperti diminta sebelum ini," katanya menerusi satu kenyataan di sini, semalam.

Sinar Harian 19 Januari lalu melaporkan mengenai keadaan flat berkenaan yang terlalu kotor disebabkan sikap penduduk yang membuang sampah merata-rata.

Selain itu, penduduk juga dikatakan sewenang-wenangnya membuang sampah dan barangan lain dari tingkat atas sehingga membahayakan nyawa orang lain.



Keadaan di Flat Teluk Indah yang kotor sebelum ini.